Subjek : Sejarah

Tajuk : Negeri-Negeri di Malaysia

Pilih jawapan yang betul.

1. Antara berikut yang manakah negeri yang tidak mempunyai bandar diraja?
A. Kedah
B. Terengganu
C. Perak

2. Siapakah ketua negeri bagi negeri-negeri yang tidak mempunyai Sultan atau Raja?
A. Sultan
B. Yang di-Pertuan Besar
C. Yang di-Pertuan Negeri

3. Dalam Sejarah Melayu, Johor juga dikenali sebagai _____.
A. Ujung Tanah
B. Pura
C. Senin Ujung

4. Bandar diraja bermaksud
A. Bandar tempat kelahiran Sultan atau Raja
B. Bandar tempat tinggal utama Sultan atau Raja
C. Bandar kedua terpenting bagi negeri yang diperintah oleh Sultan atau Raja

5. Berikut ialah negeri-negeri kecil yang Bersatu di bawah pemerintahan pusat di Seri Menanti kecuali
A. Ulu Muar
B. Kuala Pilah
C. Rembau

6. Panggilan oleh orang Arab kepada negeri ini ialah Mulaqah dan Malakat. Negeri yang dimaksudkan ialah
A. Kelantan
B. Melaka
C. Terengganu

7. Apakah peristiwa yang berlaku ketika Parameswara bersandar pada pokok melaka?
A. kuda baginda ditendang oleh seekor pelanduk
B. anjing buruan baginda ditendang oleh seekor pelanduk
C. Laksamana baginda ditendang oleh seekor pelanduk

8. Apakah nama bandar diraja bagi negeri Kedah?
A. Anak Bukit
B. Kuala Kangsar
C. Seri Menanti

9. Ketua negeri bagi negeri-negeri berikut ialah Yang di-Pertuan Negeri kecuali
A. Negeri Sembila
B. Melaka
C. Pulau Pinang

10. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan Labuan Wilayah Persekutuan Putrajaya Negeri-negeri di atas berada di bawah naungan
A. Raja
B. Sultan
C. Yang di-Pertuan Agong